Arahan: Modul ini adalah untuk tempoh masa 1 jam			
Kod Dan Nama Program	A017-001-3:2017 OPERASI PENGELUARAN TANAMAN	Sasaran	2 PKKS DEDIKASI 2 PKKS INOVASI
Tarikh	30 Jun 2021	Masa	9.00 – 10.00 pagi
No Dan Tajuk Unit Kompetensi	A017-001-3:2017-C03		
	OPERASI PENANAMAN BAHAN TANAMAN		
Pernyataan Aktiviti Kerja	1. Tanam Anak Pokok		
Tujuan	Kertas penerangan ini bertujuan untuk memberi kefahaman kepada murid mengenai kaedah penanaman anak pokok tanaman secara cekap dan kondusif mengikut prosedur yang betul.		
Objektif Pembelajaran	Pada akhir PDPR murid boleh: 1. Menyenaraikan 4 faktor pemilihan anak pokok 2. Menyatakan 4 sistem penanaman anak pokok		
Tempoh Masa	1 Jam		
Aktiviti Pembelajaran	Sila rujuk kertas penerangan yang diberikan untuk memudahkan pemahaman .Membaca kertas penerangan terlebih dahulu Nyatakan factor pemilihan anak pokok Menyenaraikan 2 kaedah rawatan biji benih Lembaran kerja mengisi tempat kosong Murid-murid diminta untuk menjawab soalan melalui latihan interaktif di ***Liveworksheet***.		
Latihan	Sila jawab soalan interatif yang diberikan Screenshoot jawapan yang telah siap kepada guru ***(jika ada persoalan/pertanyaan boleh hubungi Cikgu di Whatapps)***		
Pentaksiran	Anda akan dinilai berdasarkan tugasan yang diberikan		

LIVEWORKSHEETS

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI	**BAHAGIAN LATIHAN KEMAHIRAN PERTANIAN (BLKP)** **KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA** **KERTAS PENERANGAN**
KOD DAN NAMA PROGRAM	A017-001-3:2017 OPERASI PENGELUARAN TANAMAN
TAHAP	3
NO DAN TAJUK UNIT KOMPETENSI	A017-001-3:2017-C03 OPERASI PENANAMAN BAHAN TANAMAN
NO DAN PERNYATAAN AKTIVITI KERJA	1. SEMAI BIJI BENIH SACARA TERUS 2. **TANAM ANAK POKOK** 3. SULAM ANAK POKOK TANAMAN 4. BUAT PENJARANGAN ANAK TANAMAN
NO. KOD	A017-001-3:2017-C03/P(2/4) **MUKA SURAT** : 1/13

TAJUK : PENANAMAN ANAK POKOK TANAMAN

TUJUAN :

Kertas penerangan ini bertujuan untuk memberi kefahaman kepada pelatih mengenai kaedah penanaman anak pokok tanaman secara cekap dan kondusif mengikut prosedur yang betul.

LIVEWORKSHEETS

PENERANGAN :

1. FAKTOR PEMILIHAN ANAK POKOK

1.1 Tujuan pemilihan anak pokok

i. Untuk memudahkan anak benih menyesuaikan diri dengan keadaan lapangan (ladang) yang lebih mencabar
ii. Anak benih yang mempunyai gejala kekurangan zat pemakanan yang timbul mudah diberi perhatian
iii. Anak benih yang bersaiz kecil dan tidak tahan kepada cahaya matahari yang terik dapat dikenal di peringkat awal.
iv. Untuk mendapatkan anak benih buah-buahan yang sihat dan subur
v. Bagi memastikan peratus kejayaan pertumbuhan di ladang adalah tinggi.
vi. Untuk mendapatkan pertumbuhan di ladang yang sekata
vii. Untuk mendapatkan anak benih buah-buahan yang tegap.

1.2 Ciri-ciri anak pokok yang baik

i. Anak benih yang sihat dan segar
ii. Anak benih yang bebas dari serangga perosak dan penyakit
iii. Normal
iv. Saiz yang seragam

1.3 Tahap kesuburan anak pokok

Tanaman memerlukan 17 unsur nutrient untuk tumbesaran dan pengeluaran hasil yang baik. Sebanyak 3 unsur nutrient terdiri daripada unsur bukan mineral (karbon) C, (hydrogen) H, dan (oksigen) O_2 manakala 14 unsur lagi ialah unsur mineral. Kesan kekurangan nutrient boleh menjejaskan tumbesaran tanaman seperti:

i. Tanaman dan daun berwarna hijau tua, daun bahagian bawah berwarna kuning tangkai menjadi pendek dan kecik.
ii. Tumbesaran tanaman terbantut
iii. Daun berbintik atau berklorosis
iv. Daun menjadi lembut dan terkulai
v. Hujung daun berwarna putih, bergulung dan berpintal

LIVEWORKSHEETS

1.4 Keseragaman anak pokok

Pemilihan anak pokok yang seragam dan sihat akan menghasilkan keseragaman pertumbuhan di ladang dan kesuburan tanah serta mengurangkan kos penjagaan. Pokok yang cepat membesar mudah dijaga berbanding dengan pokok kecil. Pokok yang sihat mempunyai pertumbuhan akar yang cepat untuk menyerap nutrient dan air dari tanah.

2. SISTEM PENANAMAN ANAK POKOK

2.1 Empat Segi Sama

Dalam sistem ini anak benih ditanam pada jarak yang sama di antara satu dengan yang lain dalam susunan segiempat sama



Rajah 1: Empat Segi Sama

2.2 Segi Tiga Sama

Anak benih ditanam disetiap penjuru segitiga sama. Sistem ini dapat menjimatkan penggunaan ruang tanah yang membolehkan 15 % pokok tambahan ditanam.Hitungan bilangan pokok sehektar ialah :



Rajah 2: Segi Tiga Sama

2.3 Siku Kluang

Sistem ini sama dengan sistem segiempat sama atau segiempat tepat cuma ditambahkan satu lagi titik tanaman di tengah-tengah segiempat. Pokok tambahan lebih bersifat pokok sementara sahaja dan dibuang apabila mula menyentuh pokok utama. Sistem ini boleh memuatan hampir dua kali ganda kepadatan asal sistem segiempat.

LIVEWORKSHEETS



Rajah 3: Siku Kluang

2.4 Empat Segi Tepat

Anak-anak benih ditanam dalam susunan segiempat tepat. Jarak tanaman di antara pokok dalam baris lebih dekat daripada jarak di antara baris



Rajah 4: Empat Segi Tepat

Bagi kawasan tanah yang rata dan landai, sistem segiempat, segi tiga sama dan siku keluang boleh digunakan. Manakala di kawasan yang curam pokok ditanam mengikut kontur bagi mengurangkan masalah hakisan tanah.

JENIS BUAH-BUAHAN	SISTEM	JARAK	BIL. POKOK/HA
1. Rambutan , Mangga, Nangka	Segi tiga sama Segi empat sama	9 m x 9 m 9 m x 9 m	138 123
4. Betik	Segi empat sama	1.8 m x 2.7 m 2.0 m x 2.7 m 2.0 m x 3.4 m 2.5 m x 3.0 m 2.7 m x 3.0 m	2057 1851 1470 1333 1234

Rajah 5 : Contoh Jarak Tanaman Buah-Buahan

LIVEWORKSHEETS

SOALAN:

Jawab semua soalan dibawah.

1. Apakah ciri-ciri anak pokok yang baik?

a..

b.

c.

2. Senaraikan 4 sistem penanaman anak pokok.

a..

b.

c.

d.

3. Isikan sistem penanaman anak pokok dengan jenis buah-buahan yang sesuai

BIL	BUAH-BUAHAN	SISTEM PENANAMAN ANAK POKOK
1.	Rambutan	
2.	Nangka	
3.	Mangga	
4.	Betik	

LIVEWORKSHEETS

RUJUKAN:

1. Bahagian Buah-buahan (2009) Pakej Teknologi Tanaman Mangga. Terbitan Jabatan Pertanian. ISBN 973-983-047-135-8
2. Bahagian Buah-buahan (2007) Pakej Teknologi Tanaman Rambutan . Terbitan Jabatan Pertanian. ISBN 978-783-047-130-3
3. Bahagian Buah-buahan (2000) Pakej Teknologi Tanaman Nangka. Terbitan Jabatan Pertanian. ISBN 983-047-076-8
4. Bahagian Penyelidikan Buah-buahan (1992), Panduan Pengeluaran Belimbing, Terbitan MARDI ,ISBN 967 – 936 – 112 - 8

LIVEWORKSHEETS